

# Manusia dihisab di akhirat

## Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

(SIRI KE-13)

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

**F**IRMAN Allah SWT yang bermaksud: *Apabila langit terbelah. Dan apabila bintang-bintang gugur bertaburan. Dan apabila lautan pecah bercampur-baur. Dan apabila kubur-kubur dibongkarkan. (Setelah semuanya itu berlaku), tiap-tiap orang akan mengetahui apa yang telah dikerjakan dan ditinggalkannya. Wahai manusia! apakah yang memperdayakanmu (berlaku derhaka) kepada Tuhanmu yang Maha Pemurah? Tuhan yang telah mencipta dan mengatur kejadianmu, lalu menjadikan anggotamu sesuai (dengan tujuan yang kerananya anggota itu diadakan), serta menjadikan (binaan tubuh badanmu) sama padan dengan kekuatannya. Dalam bentuk dan rupa apa sahaja yang dikehendaki-Nya, ia menyusun kejadianmu. (al-Infitar: 1-8)*

### Mukadimah

Surah al-Infitar termasuk dalam kategori Surah Makkiah, ia berjumlah 19 ayat dan diturunkan selepas surah al-Nazi'at. Persamaan surah ini dengan surah al-Takwir.

Firman Allah SWT: *Apabila langit terbelah. Al-Maraghi berkata: Ketika langit terbelah dan susunan planet-planetnya berubah, maka tidak ada lagi bintang yang beredar pada orbitnya sebagaimana yang kita lihat sekarang.*

Firman Allah SWT: *Dan apabila bintang-bintang gugur bertaburan.*

Syed Qutb berkata: Andainya bintang-bintang itu gugur dan terlepas daripada ikatan peraturan yang selama ini mengikat dan memelihara perjalanannya, sebagaimana yang akan berlaku pada hari kiamat yang menamatkan ajalnya, maka ia akan hancur lebur di angkasa raya sebagaimana hancurnya atom yang terlepas daripada ikatannya.

Firman Allah SWT: *Dan apabila lautan pecah bercampur-baur. Ibn Abbas r.a berkata: Allah SWT menghamburkan air di lautan ke atas sebahagian yang lainnya.*

Firman Allah SWT: *Dan apabila kubur-kubur dibongkarkan. Ibn Abbas r.a berkata: Iaitu dikeluarkan dan al-Suddi berkata: Perkuburan itu bertaburan dan bergerak sehingga keluarlah orang yang ada di dalamnya.*

Firman Allah SWT: *(Setelah semuanya itu berlaku), tiap-tiap orang akan mengetahui apa yang telah dikerjakan dan ditinggalkannya.*

Al-Maraghi berkata: Ayat ini mendorong agar melakukan ketaatan dan meninggalkan perbuatan dosa.

Firman Allah SWT: *Wahai manusia! apakah yang memperdayakanmu (berlaku derhaka) kepada Tuhanmu yang Maha Pemurah?*

Syed Qutub berkata: Inilah kecaman secara langsung dari Allah SWT. Dia



**ALLAH SWT sentiasa menerima taubat hamba-Nya, cuma manusia sering alpa.**

– Gambar hiasan

memanggil manusia, lalu berdiri di depan-Nya sebagai seorang yang cuai, berdosa, terpedaya, tidak menghargai kebesaran Allah SWT dan tidak beradab sopan terhadap-Nya.

Kemudian Allah SWT mengingatkan nikmat-Nya yang agung, kemudian mengingatkan kecuaiannya manusia, kebiadapannya dan kekeliruan dan keterpedayaannya.

*Firman Allah SWT: Tuhan yang telah mencipta dan mengatur kejadianmu, lalu menjadikan anggotamu sesuai (dengan tujuan yang kerananya anggota itu diadakan), serta menjadikan (binaan tubuh badanmu) sama padan dengan kekuatannya.*

Al-Maraghi berkata: Allah SWT menyebut zat-Nya dengan *karim* (pemurah), bukan *qahhar* (pemaksa), sebab sifat pemurah itu tidak layak menjadikan manusia membiarkan dirinya digoda oleh syaitan.

Sebagai contoh pernyataan: Kerjalah semahumu kerana Tuhanmu Maha Pemurah. Dia telah bermurah hati kepadamu di dunia dan akan berbuat begitu di akhirat.

Namun, maksud yang tepat untuk pengertian ini adalah untuk menyatakan kesungguhan dalam menerima cahaya keimanan dan ketaatan para hamba-Nya.

Firman Allah SWT: *Dalam bentuk dan rupa apa sahaja yang dikehendaki-Nya, ia menyusun kejadianmu.*

Ikrimah berkata: Jika berkehendak, Dia akan menciptakan dalam bentuk: kera, dan jika mahu Dia akan menciptakannya dalam bentuk babi.

### Penutup

Dalam penutup ini suka dinyatakan sedikit pendapat Syed Qutub berkenaan dengan manusia, antara lain katanya: Katakanlah segala apa yang ditanggapi itu sampai ke otak melalui alat-alat saraf yang seni itu, tetapi di manakah hendak disimpan semua hasil tanggapan itu?

Andainya otak itu sebagai tali pita rakaman nescaya manusia memerlukan

**Al-Maraghi berkata: Allah SWT menyebut zat-Nya dengan karim (pemurah), bukan qahhar (pemaksa), sebab sifat pemurah itu tidak layak menjadikan manusia membiarkan dirinya digoda oleh syaitan**

selama umur hidupnya, purata 60 tahun kepada ribuan juta meter pita tersebut untuk merakam sekian banyak gambaran, kata-kata, makna perasaan dan kesan-kesannya untuk diingatkan kembali setelah melalui masa puluhan tahun.

Kemudian bagaimana otak itu menyusun di antara kata-kata, makna, peristiwa dan gambaran yang tunggal untuk menjadikannya satu budaya yang terkumpul.

Seterusnya meningkatkannya daripada maklumat kepada ilmu seterusnya tanggapan kepada kefahaman dan pengalaman kepada pengetahuan.

Inilah salah satu ciri manusia yang membezakannya daripada makhluk yang lain. Yang lebih daripada ciri ini adalah roh yang dikurniakan Allah SWT, iaitu roh manusia khusus untuknya yang menghubungkan dengan keindahan alam oleh Pencipta-Nya.

Itulah roh yang memberikan kepada manusia detik yang gemilang menghubungkan dengan zat yang mutlak tidak terbatas setelah berhubung dengan pancaran keindahan alam ini.

Begitulah roh yang tidak diketahui oleh manusia. Itulah roh yang memberi nikmat kesukaan dan kebahagiaan yang tinggi walaupun ia berada di bumi dan menghubungkannya dengan alam *al-Malaul a'la* dan menyediakannya untuk hidup di dalam syurga yang kekal abadi.

## Kalamullah

### Akhirat mercu tanda gemilang

*DAN demikianlah dijanjikan Allah. Allah tidak pernah mengubah janji-Nya, akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat yang sebenar). (ar-Ruum: 6)*

#### Huraian

Manusia sering lupa dan sifat pelupa itu sememangnya sering kali mewarnai wajah kita. Allah SWT melimpahkan kasih, belas dan sayang dengan sentiasa memberi dan mencukupkan segala keperluan hidup kita.

Nikmat hidup yang diberikan oleh Allah merangkumi, harta benda, kekayaan, keluarga dan kedudukan dalam masyarakat sehingga dipandang mulia oleh manusia lain merupakan kurniaan Allah SWT.

Dalam hidup ini pula kita lebih banyak menuai kemenangan dari kekalahan. Kita sering menang dalam melepasi kesusahannya hidup, pendidikan anak-anak, perniagaan, kerjaya dan sebagainya.

Namun, kita sering lupa kepada yang Maha Pencipta yang telah mengurniakan kemenangan tersebut. Lebih malang lagi, kita bukan sahaja lupa diri tetapi lupa kepada alam akhirat yang mesti ditempuhi.

Kesedaran tentang alam akhirat bererti seseorang itu memandang masa depannya dengan penuh insaf dan berhati-hati.

Alam akhirat mengajar manusia bersedia untuk melangkah jauh, menerima ujian dunia yang kecil sedang alam akhirat menyediakan ujian sangat mencabar yang menentukan kebahagiaan sebenar seorang insan.

#### Kesimpulan

Oleh itu, kita harus berani berubah dengan meletakkan akhirat sebagai mercu tanda kejayaan yang lebih gemilang. Akhirat mendorong kita menjadi pekerja yang jujur, ikhlas dan bersungguh-sungguh serta mampu menolak kita daripada menguasai pelbagai ilmu pengetahuan supaya dunia dapat dimakmurkan menjadi jambatan ke akhirat dengan kekal abadi.

Konsep kerja sebagai ibadah adalah bertujuan menjadikan alam akhirat destinasi akhir sebuah kejayaan yang hakiki.